

KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA

**Titik Rujukan dan Persefahaman Bersama Tentang
Kelayakan Pengajian Tinggi di Malaysia**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Glosari	ii
PENGENALAN	
Definisi dan Ciri	1
Kebaikan	1
Pembentukan dan Perkembangan	2
PRINSIP UMUM	
Definisi Kelayakan	3
Sektor Penganugerahan Kelayakan	3
Tahap Kelayakan	3
Hasil Pembelajaran	3
Kredit dan Beban Pembelajaran	5
Profil	5
Laluan Pendidikan bagi Kemajuan Individu	6
LAMPIRAN	
Lampiran 1 – KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: HURAIAN TAHAP KELAYAKAN	7
Tahap Sijil	
Kemahiran, Pengajian Tinggi, Vokasional dan Teknikal	7
Kursus Asas atau Persediaan Universiti	8
Tahap Diploma	
Kemahiran, Pengajian Tinggi, Vokasional dan Teknikal	8
Tahap Diploma Lanjutan	
Diploma Lanjutan	9
Tahap Ijazah	
Sarjana Muda	9
Sarjana	10
Kedoktoran	10
Kelayakan yang Menyokong Laluan Pendidikan Sepanjang Hayat	
Diploma Lanjutan	11
Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah	12
Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah	12
Lampiran 2 – KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: KELAYAKAN DAN TAHAP	13
Lampiran 3- KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: KREDIT MINIMUM YANG DICADANGKAN	14

GLOSARI

Kerangka Kelayakan Malaysia: huraian atau deskripsi sistem pendidikan kebangsaan, yang difahami di peringkat antarabangsa, yang menjelaskan semua kelayakan dan pencapaian akademik dalam pendidikan tinggi (pasca sekolah) dan menghubungkaitkan kelayakan-kelayakan ini secara bermakna.

Hasil Pembelajaran: pernyataan tentang perkara yang pelajar dikehendaki tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai suatu tempoh pengajian.

Kredit: ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

Beban Pembelajaran: ukuran kuantitatif semua aktiviti pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran.

Tahap Kelayakan: merupakan peringkat anugerah yang dihuraikan dengan hasil-hasil generik atau penghurai kelayakan yang mencirikan kelayakan tipikal.

Profil: subjek khusus atau bidang pengajian sesuatu kelayakan atau ciri-ciri yang berbeza dalam kelompok kelayakan pelbagai bidang yang mempunyai penekanan atau tahap yang serupa.

Kelayakan: sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi atau pihak yang diberi kuasa menganugerahan kelayakan dan mengesah hasil pembelajaran yang telah dicapai.

Penghurai Kelayakan: pernyataan generik yang menjelaskan hasil pembelajaran utama bagi kelayakan-kelayakan pada tahap tertentu.

Titik Rujukan: penunjuk tidak preskriptif yang menjelaskan hubung kait antara kelayakan, hasil pembelajaran dan/atau konsep lain yang berkaitan untuk membolehkan individu maju dari satu kelayakan ke kelayakan yang lain.

Pengakreditan Pengalaman-PembelajaranTerkumpul: proses pengesahan ke atas pencapaian satu set hasil pembelajaran individu yang dicapai melalui pembelajaran formal, tidak formal atau informal, tanpa mengira masa dan tempat.

Pemberi Pendidikan Tinggi: sesuatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau kumpulan orang lain yang mengendalikan program pendidikan tinggi atau latihan termasuk program latihan kemahiran yang membawa kepada penganugerahan kelayakan pendidikan tinggi atau yang menganugerahkan kelayakan pendidikan tinggi dan termasuklah pemberi pendidikan tinggi awam swasta, badan peperiksaan atau pensijilan atau wakil cawangannya.

PENGENALAN

Definisi dan Ciri

1. Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) merupakan instrumen yang membangun dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa dan menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berasaskan beban pembelajaran pelajar. Kriteria ini diterima dan diguna pakai bagi semua kelayakan yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi. Justeru, KKM mengintegrasikan dan menghubungkan semua kelayakan negara.
2. KKM juga menyediakan laluan pendidikan yang menghubungkaitkan kelayakan-kelayakan secara sistematik. Ini membolehkan individu memajukan diri dalam pendidikan tinggi melalui pemindahan kredit dan pengiktirafan pembelajaran terkumpul yang diperoleh daripada pembelajaran formal, tidak formal dan informal tanpa mengira masa dan tempat dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat.

Kebaikan

3. KKM merupakan titik rujukan yang sahih dan telus tentang maklumat setiap kelayakan yang berguna kepada pelbagai pihak seperti pelajar, ibubapa, majikan, kerajaan, pemberi pendidikan, agensi jaminan kualiti, agensi pengiktirafan dan industri, sama ada dalam atau luar negara. Oleh itu, KKM meningkatkan kefahaman dan keyakinan umum terhadap standard dan sistem penganugerahan kelayakan di Malaysia.
4. Berlandaskan kepada amalan baik antarabangsa, KKM memudahkan proses pengiktirafan antarabangsa dan mobiliti pelajar bagi tujuan pekerjaan dan akses kepada pendidikan lanjutan.
5. KKM memantapkan sistem pendidikan sedia ada dengan memberi garis panduan yang jelas untuk reka bentuk program, menamakan kelayakan secara sistematik dan menghapuskan kekeliruan tentang makna setiap kelayakan. Hubungan KKM yang erat dengan pasaran kerja memudahkan pembangunan program pendidikan yang relevan.
6. KKM tidak mengongkong perkembangan akademik, malahan menggalakkan autonomi melalui kebertanggungjawaban dan rujukan luar.

7. KKM meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan lingkungan sosial bagi individu yang terlepas peluang pendidikan tinggi untuk memajukan diri dan menceburi arena pengetahuan dengan mudah melalui laluan pendidikan dan menikmati pelbagai bidang pendidikan dan latihan sepanjang hayat, di dalam dan di luar negara.
8. KKM menyediakan prinsip merealisasikan dasar pembelajaran sepanjang hayat yang penting bagi membina masyarakat dan ekonomi berasaskan ilmu untuk menghadapi persaingan dan teknologi baru serta meningkatkan perpaduan, kesaksamaan dan kualiti hidup.

Pembentukan dan Perkembangan

9. KKM dibangunkan dengan menanda aras kerangka kelayakan utama dunia seperti England, Wales dan Northern Ireland, Australia, New Zealand dan Eropah. Kerangka Kelayakan Eropah merupakan payung kepada kerangka nasional Negara-negara Kesatuan Eropah. Ia telah diterima oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) di Lisbon Convention yang ditandatangani antara lain oleh negara-negara Eropah, Kanada, Amerika Syarikat, Israel, Australia dan New Zealand. Justeru, KKM memudahkan komunikasi dengan pelbagai kerangka dan sistem pendidikan tinggi di negara utama dunia. Ia juga dapat menangani sistem pendidikan dan latihan yang semakin kompleks untuk menjalin kerjasama dalam pendidikan merentasi sempadan.
10. KKM adalah struktur dinamik yang berkembang mengikut prioriti dan perubahan negara. Dinamisme kerangka dipertahankan dengan membina dan memupuk keyakinan dan kepercayaan di kalangan semua pihak berkepentingan yang menggunakanannya, termasuk pelajar, pemberi pendidikan, kerajaan, pihak yang menganugerahkan kelayakan, staf akademik, majikan, persatuan pekerja, pertubuhan sukarela, badan profesional dan masyarakat. KKM menyediakan konteks perubahan dan penambahbaikan sistem pendidikan tinggi terpandu oleh semua pihak berkentingan. Ia bukan sahaja proses teknikal, tetapi juga proses sosial dan politik.

PRINSIP UMUM

Definisi Kelayakan

11. Kelayakan adalah sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten yang mengesahkan seseorang telah berjaya melengkapkan pengajian pada standard yang ditentukan dan telah memuaskan satu tahap pencapaian dan dapat melaksanakan sesuatu peranan, tugas atau kerja. Kelayakan menandakan pencapaian hasil pembelajaran secara positif, bukan sebagai kompensasi kerana kegagalan atau secara kebetulan.

Sektor Penganugerahan Kelayakan

12. KKM mengandungi kelayakan kebangsaan pasca sekolah yang dianugerahi dalam sektor kemahiran, vokasional dan teknikal, akademik dan profesional. Ijazah kehormat dan sijil kehadiran tidak termasuk dalam KKM. Ijazah kehormat yang dianugerahi perlu dibezakan daripada ijazah kedoktoran yang terkandung dalam KKM.

Tahap Kelayakan

13. KKM mempunyai lapan tahap, iaitu Sijil Tahap 1-3, Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Tahap-tahap kelayakan ini diuraikan dan dibezakan dalam Lampiran 1 dan diringkaskan dalam Lampiran 2. Tahap kelayakan menunjukkan tahap keupayaan. Kelayakan tipikal pada setiap tahap diuraikan dengan ciri-ciri generik yang menggambarkan keupayaan yang dijangkakan daripada pelajar dari segi:

- (i) kedalaman dan kompleksiti ilmu serta pemahamannya;
- (ii) aplikasi pengetahuan dan kemahiran;
- (iii) darjah autonomi dan kreativiti dalam membuat keputusan;
- (iv) kemahiran berkomunikasi; dan
- (v) keluasan dan kecanggihan amalan.

Hasil Pembelajaran

14. Hasil pembelajaran adalah pernyataan yang menjelaskan apa yang pelajar harus tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai suatu tempoh pengajian. Hasil pembelajaran merupakan rujukan bagi standard dan kualiti serta pembangunan kurikulum dari segi pengajaran-pembelajaran, penetapan kredit dan penilaian pelajar. Dalam KKM, hasil pembelajaran dinyatakan dalam tiga kategori:

- (i) tahap kelayakan;
- (ii) bidang pengajian; dan
- (iii) program.

15. KKM menekankan lapan domain hasil pembelajaran yang signifikan bagi Malaysia:
- (i) pengetahuan;
 - (ii) kemahiran praktikal;
 - (iii) kemahiran dan tanggungjawab sosial;
 - (iv) nilai, sikap dan profesionalisme;
 - (v) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
 - (vi) kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
 - (vii) kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
 - (viii) kemahiran mengurus dan keusahawanan.
16. Hasil pembelajaran bidang pengajian lebih khusus daripada hasil pembelajaran tahap kelayakan dan ia meliputi subjek atau disiplin. Hasil pembelajaran sesuatu bidang pengajian digubal oleh jawatankuasa yang diwakili pihak berkepentingan dari akademia, industri, profesi, majikan, kerajaan dan pihak lain yang relevan.
17. Hasil pembelajaran program digubal di peringkat pemberi pendidikan tinggi berpandukan hasil pembelajaran bidang. Ia meliputi semua komponen seperti kursus, unit atau modul yang membentuk sesuatu program dan membawa kepada penamaan kelayakan. Program yang mempunyai satu bidang utama sahaja dinamakan berdasarkan dengan bidang tersebut, contohnya Seni Bina atau Kejururawatan. Program yang mengandungi pengkhususan sekurang-kurangnya 25 peratus dalam bidang utama, pengkhususannya dinyatakan dalam kurungan, contohnya Sains Komputer (Pengaturcaraan). Program dwimajor yang mempunyai komponen asas dalam dua bidang utama dalam peratusan 50-50 dinamakan dengan penghubung “DAN”, contohnya Ekonomi dan Sains Politik. Program major-minor yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 peratus komponen dalam bidang pengajian lain dinamakan menggunakan penghubung “DENGAN”, contohnya Ekonomi dengan Matematik.
18. Kebaikan hasil pembelajaran adalah penekanannya kepada “pelajar dan pembelajaran” dan pencapaiannya, bukan semata-mata cara mencapainya. Justeru, kaedah pencapaian hasil pembelajaran tidak terhad kepada pendidikan formal sahaja dan terbuka kepada penaksiran dan Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terkumpul (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) yang diperoleh melalui pembelajaran formal, tidak formal dan informal.

Kredit dan Beban Pembelajaran

19. Kredit ialah ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.¹
20. Beban pembelajaran ialah ukuran kuantitatif semua aktiviti pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai satu set hasil pembelajaran. Aktiviti ini termasuklah kuliah, tutorial, seminar, praktikal, pembelajaran kendiri, pencarian maklumat, kajian, kerja lapangan serta persediaan dan menduduki peperiksaan. Di Malaysia, 40 jam pembelajaran nosisional dinilai sebagai satu kredit.²
21. Definisi kredit dan beban pembelajaran ini telah juga diguna pakai dalam kerangka kelayakan England, Wales dan Northern Ireland serta Australia, New Zealand dan Eropah. Makna dan kefahaman yang sama membantu dalam perbandingan pelbagai kerangka kelayakan kebangsaan, memudahkan mobiliti pelajar, menyokong pembangunan kurikulum dan memudahkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.
22. Kebaikan sistem kredit ini adalah peningkatan autonomi pemberi pendidikan tinggi mereka bentuk dan merancang aktiviti pembelajaran-pengajaran tanpa terikat kepada jam kontak yang berasaskan jumlah minggu pengajaran dalam sesuatu semester. Justeru, sistem ini menyokong kepelbagaian dalam sistem pendidikan negara yang dicirikan dengan tempoh semester yang berlainan di antara universiti, kolej, politeknik, kolej komuniti serta di antara sektor awam dan swasta. Ia juga menyokong kaedah penyampaian yang pelbagai seperti sepenuh masa, separuh masa, hujung minggu, jarak jauh, e-pembelajaran, dan juga pembelajaran yang tidak berstruktur dalam sektor informal dan tidak formal. Sistem ini juga memastikan beban pembelajaran pelajar diagih secara sama rata dalam sesuatu kalendar akademik.

Profil

23. Profil merujuk kepada:

- (i) bidang atau bidang-bidang pengajian yang terkandung dalam satu kelayakan, contohnya ijazah sarjana muda dengan pengkhususan dalam Undang-undang dan Perakaunan;

¹Cadangan kredit minimum bagi sesuatu tahap dinyatakan dalam Lampiran 3.

²Setiap negara menggunakan faktor pertukaran yang paling sesuai dengan sistem pendidikan masing-masing. Di England, Wales dan Northern Ireland serta di New Zealand, satu kredit bersamaan 10 jam pembelajaran nosisional. Kerangka kelayakan Eropah menyamakan satu kredit dengan 25-30 jam pembelajaran nosisional.

- (ii) kumpulan kelayakan dari bidang yang berbeza tetapi mempunyai penekanan yang sama, contohnya, ijazah sarjana boleh diperoleh melalui penyelidikan, kerja kursus yang mendalami ilmu atau latihan profesional yang berkaitan amalan; dan
- (iii) kelayakan pada tahap yang sama tetapi mempunyai tujuan yang berbeza, contohnya sijil kemahiran yang berteraskan kompetensi, sijil teknikal yang membawa kepada sesuatu pekerjaan teknikal atau kelayakan pra-universiti bagi kemasukan ke universiti.

Laluan Pendidikan bagi Kemajuan Individu

- 24. KKM menekankan titik integrasi dan pertindihan di antara kelayakan yang berbeza dari segi jenis dan tahap. Ini dilakukan melalui peraturan pengumpulan dan pemindahan kredit, pengakreditan pengalaman-pembelajaran terkumpul, mekanisme penghubung untuk memenuhi keperluan kemasukan ke tahap yang lebih tinggi dan penggunaan sijil dan diploma.
- 25. Apabila berjaya menyempurnakan sesuatu tahap, pelajar berhak memohon dan dipertimbangkan untuk kemasukan ke tahap yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, hak kemasukan bukanlah automatik kerana pelajar mungkin perlu memenuhi keperluan tambahan bagi kelayakan yang lebih tinggi tersebut.
- 26. Dalam menghubungkaitkan kelayakan, KKM memudahkan proses dan menyokong pelajar dengan menunjukkan semua peluang dan laluan pembelajaran yang berkemungkinan bagi kemajuan seseorang individu. KKM menjana pelbagai laluan alternatif dengan titik masuk dan keluar yang mengiktiraf pencapaian individu. Justeru, ia meningkatkan akses dan lingkungan sosial dengan mengiktiraf pembelajaran terkumpul yang diperoleh secara formal, tidak formal dan informal.
- 27. Laluan pendidikan KKM merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat kerana ia membolehkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada pengalaman dan pembelajaran sendiri untuk dinilai dan diberi peluang mendapat sesuatu kelayakan yang lebih tinggi walaupun tanpa kelayakan asas.

KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: HURAIAN TAHAP KELAYAKAN

Tahap Sijil

Kemahiran 1-3, Pengajian Tinggi, Vokasional dan Teknikal

Sijil Kemahiran dianugerahkan sebagai pengiktirafan formal kepada individu yang telah menunjukkan kebolehan yang telah diperoleh atau diamalkan dengan kompeten untuk melaksanakan sesuatu tugas atau kerja yang lazimnya bersifat “manual”. Ia dianugerahkan tanpa mengira cara kebolehan itu diperoleh. Kemahiran biasanya diperoleh secara kumulatif melalui latihan berperingkat-peringkat dan kelayakan biasanya diiktiraf pihak berkuasa yang kompeten atau industri.

Kriteria dan standard bagi sijil kemahiran ini terkandung dalam National Occupational Skills Standards (NOSS) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.¹ Kriteria dan standard sijil kemahiran dihubungkaitkan dengan kelayakan yang lebih tinggi untuk membolehkan pemegang sijil memajukan diri daripada fasa separuh mahir kepada mahir sehingga ke fasa penyeliaan, eksekutif dan pengurusan.

Sijil Vokasional dan Teknikal menyediakan pelajar bagi tugas teknikal tertentu dan merupakan permulaan kepada latihan seterusnya dalam bidang yang diceburi. Lazimnya, program berdasarkan latihan di institusi latihan dan merangkumi sekurang-kurangnya 25 peratus kandungan vokasional/teknikal.

Sijil dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) mentafsir dan mengguna maklumat teknikal;
- (ii) membantu dan mengguna proses kerja saintifik dan teknik reka bentuk;
- (iii) mengenali kesan peraturan, undang-undang dan kontrak ke atas proses kerja;
- (iv) menyediakan anggaran kos proses kerja dan operasi;
- (v) menggunakan teknik dan kebolehan mencari dan mengguna data untuk membuat keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika yang relevan;
- (vi) berkomunikasi dengan berkesan dan dapat menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian kepada pakar dan bukan pakar;

¹Sebelum ini, jabatan tersebut dikenali sebagai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

- (vii) menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan;
- (viii) menjadi individu yang bertanggungjawab dalam masyarakat; dan
- (ix) menggunakan kemahiran belajar sendiri untuk meneruskan pengajian lanjutan.

Kursus Asas atau Persediaan Universiti

Sijil Kursus Asas atau Persediaan Universiti seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Matrikulasi dan Sijil Asasi tidak termasuk dalam KKM kerana ia merupakan kelayakan kemasukan ke universiti. Namun demikian, KKM menetapkan standard bagi sijil-sijil ini untuk membolehkan perbandingan dan penyelarasaran kebolehan pelajar. Secara umum, sijil ini dianugerah kepada pelajar yang boleh:

- (i) menunjukkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang pengajian yang merupakan lanjutan daripada tahap sekolah menengah seperti yang terdapat dalam buku teks lanjutan;
- (ii) mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk mengenal pasti dan mengguna data bagi memberi respons yang jelas kepada masalah konkret dan kompleks;
- (iii) berkomunikasi dan menjelaskan kefahaman dan kemahiran kepada rakan dan penyelia; dan
- (iv) menunjukkan kemahiran untuk meneruskan pengajian tinggi.

Tahap Diploma

Kemahiran, Pengajian Tinggi, Vokasional dan Teknikal

Diploma Kemahiran, Pengajian Tinggi, Vokasional dan Teknikal meliputi keupayaan dan tanggungjawab yang luas dan membawa kepada sesuatu pekerjaan sebagai titik akhir. Pekerjaan terdapat dalam pelbagai bidang, termasuk perniagaan dan pengurusan, perkhidmatan masyarakat, kesihatan, sukan dan rekreasi, teknologi maklumat dan komunikasi, seni dan reka bentuk, kejuruteraan, pembinaan, sains dan teknologi, hospitaliti dan pelancongan, pengurusan harta tanah, pertanian dan perhutanan.

Pengajian tahap diploma menyeimbangkan teori dan amalan atau praktikal dan menekankan pemupukan nilai, etika sikap supaya pelajar boleh:

- (i) menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam kerja;
- (ii) membuat penilaian dan keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi sederhana;

- (iii) mempunyai keyakinan diri dan ciri keusahawanan untuk menjana pekerjaan sendiri;
- (iv) menjadi individu yang bertanggungjawab dalam masyarakat;
- (v) menguasai kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya;
- (vi) menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan; dan
- (vii) berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian secara jelas dan menyakinkan kepada pakar dan bukan pakar.

Tahap Diploma Lanjutan

Diploma Lanjutan

Diploma Lanjutan merupakan kelayakan khusus yang menandakan individu mempunyai pengetahuan, kemahiran praktikal, kebolehan mengurus dan tanggungjawab yang lebih kompleks dan tinggi daripada yang diharapkan pada tahap diploma. Diploma lanjutan dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam kerja;
- (ii) membuat penilaian dan keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi;
- (iii) menguasai kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya;
- (iv) menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan;
- (v) berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian secara jelas dan menyakinkan kepada pakar dan bukan pakar; dan
- (vi) mengenal pasti masalah dalam bidang pengajian.

Tahap Ijazah

Sarjana Muda

Ijazah Sarjana Muda menyediakan pelajar untuk kerjaya umum, memasuki program pascasiswazah dan penyelidikan serta kerjaya yang memerlukan kemahiran tinggi. Ia juga membolehkan individu mengganding tanggungjawab yang memerlukan autonomi besar dalam membuat keputusan profesional. Ijazah sarjana muda dianugerahkan kepada individu yang boleh:

- (i) menunjukkan pengetahuan dan kefahaman prinsip-prinsip asas sesuatu bidang pengajian yang diperoleh daripada buku teks lanjutan;
- (ii) menggunakan ilmu pengetahuan dan kefahaman dengan kaedah yang menunjukkan profesionalisme dalam pekerjaan;
- (iii) berhujah dan menyelesaikan masalah dalam bidang pengajian masing-masing;
- (iv) mempunyai teknik dan kebolehan mencari dan mengguna data untuk membuat keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika yang relevan;
- (v) berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian kepada pakar dan bukan pakar;
- (vi) menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan; dan
- (vii) menguasai kemahiran belajar sendiri untuk meneruskan pengajian lanjutan dengan autonomi yang tinggi.

Sarjana

Ijazah Sarjana memberi lanjutan terhadap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dicapai pada tahap sarjana muda. Kemasukan ke program sarjana biasanya berasaskan kepada kemampuan yang terbukti untuk mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang yang dipilih. Ijazah sarjana dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menunjukkan pengetahuan dan kefahaman lanjutan atau tambahan daripada tahap sarjana muda dan membangun atau mengguna idea lazimnya dalam konteks penyelidikan;
- (ii) menggunakan pengetahuan dan kefahaman bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan bidang pengajian dalam situasi baru dan konteks multidisiplin;
- (iii) mengintegrasikan pengetahuan dan mengurus perkara kompleks;
- (iv) membuat penilaian dan keputusan dalam keadaan tanpa atau dengan maklumat terhad, mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan;
- (v) menyampaikan rumusan, pengetahuan dan rasionalnya kepada pakar dan bukan pakar dengan jelas; dan
- (vi) menguasai kemahiran belajar untuk terus maju dengan autonomi yang tinggi.

Kedoktoran

Ijazah Kedoktoran memberi pengukuhan terhadap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dicapai pada tahap sarjana. Ia lazimnya memberikan graduan kebolehan untuk menjalankan penyelidikan secara berdikari dan dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menunjukkan kefahaman sistematik dan mendalam tentang satu disiplin pengajian serta penguasaan kemahiran dan kaedah penyelidikan berkaitan bidang tersebut;
- (ii) menunjukkan kebolehan menjana, mereka bentuk, melaksana dan mengubah suai sebahagian besar proses penyelidikan dengan keutuhan kesarjanaan;
- (iii) menyumbang kepada penyelidikan asal yang melebarkan sempadan ilmu melalui disertasi mendalam yang telah dibentang dan dipertahankan mengikut standard antarabangsa termasuk penulisan dalam penerbitan berwacana antarabangsa;
- (iv) membuat analisis kritikal, penilaian dan sintesis idea baru dan kompleks;
- (v) berkomunikasi dengan rakan, komuniti sarjana dan masyarakat umum tentang bidang kepakaran; dan
- (vi) menggalakkan kemajuan teknologi, sosial dan kebudayaan dalam masyarakat berasaskan ilmu dalam konteks akademik dan profesional.

Kelayakan yang Menyokong Laluan Pendidikan Sepanjang Hayat

KKM menyediakan laluan bagi individu memajukan diri dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat. Tiga kelayakan diwujudkan untuk memudahkan pergerakan ini.

Diploma Lanjutan

Diploma Lanjutan merupakan kelayakan khusus yang menandakan individu mempunyai pengetahuan, kemahiran praktikal, kebolehan mengurus dan tanggungjawab yang lebih kompleks dan tinggi daripada yang diharapkan pada tahap diploma. Diploma lanjutan dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam kerja;
- (ii) membuat penilaian dan keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi;
- (iii) menguasai kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya;
- (iv) menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan;
- (v) berkomunikasi secara berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian dengan jelas dan menyakinkan kepada pakar dan bukan pakar; dan
- (vi) mengenal pasti masalah dalam bidang pengajian.

Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah

Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah merupakan kelayakan yang mempunyai kompetensi pada tahap sarjana muda. Perbezaan antara sijil siswazah dan diploma siswazah adalah pada nilai kredit. Kelayakan dianugerah setelah selesai pendidikan atau latihan formal, pengiktirafan pengalaman kerja termasuk sukarela atau secara kombinasi. Sijil siswazah dan diploma siswazah digunakan untuk tujuan seperti pembangunan profesional berterusan, menukar bidang atau kepakaran dan sebagai kelayakan masuk ke tahap yang lebih tinggi dengan pemindahan kredit yang dibenarkan. Kelayakan ini dianugerah tanpa mengira kelayakan terdahulu pemegang, bergantung kepada tujuan kelayakan.

Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah

Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah merupakan kelayakan yang mempunyai kompetensi sekurang-kurangnya pada tahap sarjana dan diperoleh setelah mendapat kelayakan yang bersamaan sarjana muda. Sebahagian besar kredit adalah pada tahap sarjana dalam bidang pengajian atau kemahiran lanjutan atau pengkhususan. Perbezaan antara sijil dan diploma adalah pada nilai kredit. Dalam bidang profesional, kelayakan lazimnya dianugerah apabila pengamalnya melalui pendidikan profesional berterusan atau latihan lanjutan yang bersifat lebih profesional daripada akademik untuk dikenali atau diiktiraf sebagai pakar. Contoh penggunaan sijil pascasiswazah dan diploma pascasiswazah adalah pensijilan untuk mengesahkan seorang pengamal kompeten untuk melakukan sesuatu prosedur lanjutan (*credentialing*) dalam bidang amalan tertentu, untuk memasuki program sarjana atau ke arah mendapat suatu status pengamal seperti Ir.

Lampiran 2

KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: KELAYAKAN DAN TAHAP

Tahap KKM	Sektor			Pembelajaran Sepanjang Hayat
	Kemahiran	Vokasional dan Teknikal	Pengajian Tinggi	
8			Ijazah Kedoktoran	Pengakreditan Pengalaman-Pembelajaran Terkumpul (PPPT)
7			Ijazah Sarjana	
6			Sijil dan Diploma Pascasiswa	
5	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	
4	Diploma	Diploma	Diploma	
3	Sijil Kemahiran 3	Sijil Vokasional dan Teknikal	Sijil	
2	Sijil Kemahiran 2			
1	Sijil Kemahiran 1			

Lampiran 3

KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA: KREDIT MINIMUM YANG DICADANGKAN

Tahap KKM	Kelayakan	Kredit Minimum
8	Ijazah Kedoktoran	Tiada kredit bergraduat
7	Ijazah Sarjana Melalui Penyelidikan	Tiada kredit bergraduat
	Ijazah Sarjana yang Diajar Sepenuhnya atau Separuh	40
	Diploma Pascasiswazah	30
	Sijil Pascasiswazah	20
6	Ijazah Sarjana Muda	120
	Diploma Siswazah	60
	Sijil Siswazah	30
5	Diploma Lanjutan	40
4	Diploma	90
1-3	Sijil	60
	Sijil Kemahiran	Mengikut kemahiran dan tahap

